

13/08/1997

Seragam syariah: Pusat tunggu kerajaan negeri

ALOR GAJAH, Selasa - Kerajaan Pusat masih menunggu keputusan semua kerajaan negeri berhubung penyeragaman pentadbiran agama Islam, termasuk pelantikan pegawai agama di seluruh negara, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Menurut Abdul Hamid, ini berikutan hasrat kerajaan untuk menyeragamkan fungsi pegawai agama, termasuk jumlah kakitangan yang diperlukan bagi melaksanakan pentadbiran agama Islam di semua negeri.

Katanya, setakat ini, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Persekutuan sudah memberi kebenaran untuk penyelarasan itu.

Beliau berkata, mengikut Perlembagaan Negara, sesuatu perubahan atau penyelarasan yang hendak dilakukan oleh Pusat, perlu mendapat kebenaran daripada kerajaan negeri.

"Sekarang kita mempunyai 14 penguasa agama yang menjalankan pentadbiran Islam berbeza mengikut pemahaman masing-masing.

"Justeru, ketidakseragaman ini perlu diperbetulkan supaya ajaran dan kehendak Islam tidak dianggap membebankan rakyat negara ini yang berbilang kaum," katanya kepada Berita Harian selepas ceramah perdana sempena sambutan ke- 60 Pidato Pembangunan Ummah bagi Dewan Undangan Negeri Melekek dan Rembia, di Dataran Alor Gajah, di sini, malam tadi.

Menurut beliau, selain kerajaan negeri, Pusat juga sedang menunggu keputusan Kabinet yang akan diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed tidak lama lagi berhubung penyelarasan itu.

Beliau berkata, hukum Islam boleh dibahagikan kepada dua ciri, iaitu pertama, pembelajaran hukum Islam yang bertujuan memberi pendidikan, dan kedua, pelaksanaan hukum Islam itu sendiri sebagai undang-undang.

(END)